

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 JULAI 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pasukan kementerian kesihatan akan percepat penghantaran pulang mayat mangsa nahas MH17	Bernama.com
2	Angin kencang, laut bergelora dijangka berterusan hingga khamis	Bernama.com
3	Gempa bumi kuat di Oaxaca, Mexico	Bernama.com

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 29 JULAI 2014 (SELASA)



Pasukan Kementerian Kesihatan Akan Percepat Penghantaran Pulang Mayat Mangsa Nahas MH17

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S. Subramaniam akan mengetuai pasukan daripada kementeriannya bagi mempercepatkan proses pengecaman mangsa bencana (DVI) bagi membolehkan mayat rakyat Malaysia dalam nahas MH17 dapat dibawa pulang secepat mungkin.

Pasukan itu akan berbincang dengan rakan sejawatan mereka di Belanda dan pakar lain yang berkaitan bagi mendapatkan pelbagai pilihan untuk menyelesaikan pelbagai halangan, jika ada, semasa proses itu, kata Dr Subramaniam dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan hari Selasa.

Katanya pada masa ini terdapat 21 pakar dan pegawai perubatan dan forensik odontologi Kementerian Kesihatan, Pertahanan, polis dan **Jabatan Kimia** yang membantu pihak berkuasa Belanda di Amsterdam.

"Bagi memudahkan lagi proses itu dan penghantaran balik seterusnya mayat ke Malaysia, saya akan menjadi sebahagian daripada delegasi Perdana Menteri dan pelbagai kementerian ke Amsterdam, untuk mengetuai pasukan saya," katanya.

Beliau juga berkata prosedur antemortem yang dijalankan sebelum ini oleh pakar forensik odontologi dan perubatan di Malaysia di kalangan waris terdekat merupakan sebahagian daripada proses DVI bagi menggabungkan dan membolehkan proses pemadanan yang diperlukan untuk mengenal pasti dengan tepat mangsa nahas itu.

Bagi mematuhi Peraturan Pengimportan dan Pengeksportan Mayat, Tisu Manusia dan Organisme atau Bahan Patogenik 2006, semua urusan awal juga dibuat bagi memudahkan kemasukan mayat ke Malaysia.

Pesawat Malaysia Airlines yang dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur membawa 298 orang termasuk anak kapal dengan 43 daripadanya rakyat Malaysia

Pesawat Boeing 777-200ER itu terhempas di Donetsk, timur Ukraine dipercayai ditembak jatuh.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 29 JULAI 2014 (SELASA)



Angin Kencang, Laut Bergelora Dijangka Berterusan Hingga Khamis

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora (kategori pertama) di perairan Phuket, Reef North, Layang-layang dan Palawan diramal berterusan sehingga Khamis ini.

Kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** menyebut keadaan angin kencang barat daya berkelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak setinggi 3.5 meter itu berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi serta sukan laut.

Menurut kenyataan itu, amaran ribut petir menyeluruh di perairan Reer North, Labuan, Sulu, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor Barat, Sarawak (Miri) dan Sabah (Pantai Barat dan Kudat) dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini.

Keadaan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak setinggi 3.5 meter itu berbahaya kepada bot kecil.

Selain itu, ia melaporkan amaran ketampakan rendah kurang daripada lima kilometer di perairan Selat Melaka Utara dan Sarawak (Kuching, Rejang dan Mukah), yang dijangka berterusan sehingga hari ini.

Keadaan itu disebabkan jerebu dan berbahaya kepada kapal yang tidak dilengkapi alat navigasi pelayaran.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 29 JULAI 2014 (SELASA)



Gempa Bumi Kuat Di Oaxaca, Mexico

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Satu gempa bumi kuat berukuran 6.1 pada skala Richter berlaku di Oaxaca, Mexico pada pukul 6.46 petang hari Selasa.

Menurut **Jabatan Meteorologi**, pusat gempa bumi itu terletak 17.9 darjah Utara dan 95.6 darjah Barat, 300 km di Tenggara Puebla, Mexico dan 15,477 km di Timur Laut Sandakan, Sabah.

Bagaimanapun, gempa itu tidak menimbulkan ancaman tsunami, kata kenyataan itu lagi.

-- BERNAMA